

ANM(T)81/10/6/10( 2 )



**KERAJAAN MALAYSIA**  
**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**  
**BILANGAN 2 TAHUN 2014**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Ketua Polis Negara - Bahagian Kewangan  
Pengarah Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)  
Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri  
Semua Pengarah Negeri/ Cawangan Jabatan Akauntan Negara  
Semua Pusat Gaji

**PERATURAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2014**

**1. TUJUAN**

- 1.1** Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan peraturan pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Gred 54 dan ke bawah.
- 1.2** Kadar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2014 sebanyak RM250.00 juga dipanjangkan pemberiannya kepada pesara kerajaan yang menerima pensyen.

1.3 Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2014.

## 2. **ASAS PERKIRAAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2014**

2.1 Kerajaan telah menetapkan supaya Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500.00 diberi kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Gred 54 dan ke bawah yang layak.

2.2 Kerajaan juga bersetuju memanjangkan pemberian BKK sebanyak RM250.00 kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen.

## 3. **PERATURAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN**

3.1 Bantuan Khas Kewangan ini dibayar pada 15 Julai 2014. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Gaji Berkomputer (*Payroll*) perkara-perkara berikut hendaklah diambil maklum:

- i. Penyata Perubahan (Kew. 8 ) tidak perlu disertakan. Pejabat Perakaunan (Jabatan Akauntan Negara Negeri/ Cawangan dan Jabatan Mengakaun Sendiri) akan mengeluarkan **Laporan Penerima BKK** sebagai menggantikan Borang Perubahan Gaji (SG20).
- ii. Kementerian / Jabatan hendaklah menyemak **Laporan Penerima BKK** tersebut terutama sekali mereka yang tidak layak menerimanya seperti yang dinyatakan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2014.

- iii. Kementerian / Jabatan hendaklah mengutip semula atau memotong daripada gaji bulan berikutnya amaun yang tidak layak diterima oleh seseorang pegawai di bawah pengurusannya;

### **3.2 Cukai Pendapatan**

Bantuan Khas Kewangan Tahun 2014 tidak akan dikira sebagai pendapatan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan.

### **3.3 Potongan Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**

Bantuan Khas Kewangan ini adalah tidak termasuk di bawah definisi “Upah” seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2, Akta KWSP 1991, sehubungan dengan itu ianya tidak perlu dicarumkan ke KWSP.

### **3.4 Potongan Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)**

Bantuan Khas Kewangan ini tidak perlu dicarumkan ke PERKESO.

### **3.5 Pembayaran Melalui Baucar Berasingan**

- i. Bagi Bantuan Khas Kewangan yang dibayar melalui baucar berasingan, Penyata Perubahan (Kew.8) hendaklah disertakan bersama-sama dengan dokumen sokongan yang lain.

- ii. Bagi tujuan mengelakkan kecaciran atau kelewatan dalam pembayaran Bantuan Khas Kewangan kepada pegawai yang telah bertukar keluar tetapi gajinya masih dibayar di Jabatan lama, bayaran Bantuan Khas Kewangan hendaklah dibayar oleh Jabatan lama secara baucar berasingan. Adalah menjadi tanggungjawab jabatan lama untuk memaklumkan kepada jabatan baru akan pembayaran Bantuan Khas Kewangan yang telah dibuat.

### 3.6 Pelarasan untuk Bantuan Khas Kewangan

Pelarasan yang sewajarnya jika perlu, hendaklah dibuat oleh Kementerian / Jabatan dalam Tahun 2014.

### 3.7 Kod Urus niaga

Kod-kod urus niaga yang perlu digunakan bagi bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2014 adalah seperti berikut :

<b>Kod SODO (Baucar Berasingan)</b>	<b>Kod Elaun (Payroll)</b>	<b>Perihal Kod SODO</b>
17102	1072	Bantuan Khas Kewangan
17202	1072	Bantuan Khas Kewangan Pasukan Keselamatan
29306	1072	Pemberian Khas (Bagi Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap)

**4. PERUNTUKAN UNTUK MEMBAYAR BANTUAN KHAS KEWANGAN  
TAHUN 2014**

Kementerian/ Jabatan hendaklah membayar Bantuan Khas Kewangan ini daripada peruntukan tahun semasa yang sedia ada. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi, permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Perbendaharaan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*"Inovasi & Integriti Merealisesi Perakaunan Akruan"*



**(DATUK WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN)**

**Akauntan Negara Malaysia**

**08 Julai 2014**

**s.k :**

1. Ketua Audit Negara
2. Semua Akauntan/ Bendahari Negeri
3. Ketua Eksekutif LHDN
4. Pengurus Besar KWSP
5. Ketua Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial